

Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa

KU HASNITA KU SAMSU, ADLINA AB HALIM & MOHD HAFIZ SULAIMAN

ABSTRAK

Dewasa ini, bahasa Melayu di bumi Malaysia dilihat seperti kurang bermaya dan diperkecil oleh bangsa sendiri. Buktinya dapat dilihat apabila Institusi Pengajian Tinggi terutamanya swasta (IPTS) lebih memartabatkan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Manakala Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga nampaknya cenderung ke arah mendaulatkan bahasa Inggeris apabila proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) diwajibkan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Oleh yang demikian, timbul beberapa persoalan mengenai nasib bahasa Melayu di bumi sendiri sekiranya institusi yang berpaksikan budaya intelektual juga turut menganaktirikannya. Mampukah bahasa yang pernah menempa kegemilangan pada zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ini bersaing di persada antarabangsa? Justeru, makalah ini akan mengupas secara mendalam dan tuntas mengenai persoalan tersebut. Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak bermaksud untuk menafikan realiti keperluan menguasai ilmu pengetahuan melalui bahasa Inggeris, malah agenda yang perlu diberi penekanan adalah memartabatkan bahasa Melayu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.

Kata kunci: bahasa Melayu, keupayaan bahasa Melayu

ABSTRACT

Nowadays, Malay language in Malaysia is seen as less alive and been scaled down by its own race. The proof of discrediting the language can be seen particularly at Private Institutions of Higher Learning (IPTS) where English language is being upheld than the Malay language. While, the Public Institutions of Higher Learning (IPTA) also seem likely tend to espouse the English language when the Teaching and Learning (T&L) sessions were required to be held in it. Therefore, a few questions arise on the fate and the survival of the Malay language on its own land if the intellectual institutions start deserting it. Can the language which once forged glory in the era of Malacca Sultanates compete on the international plane? Hence, this article will delve thoroughly and comprehensively on the subject matter. However, this writing does not mean to deny the reality of the need to acquire knowledge through the English language, but at the same time, upholding the Malay language and strengthening the English language stays as an ultimatum.

Key words: Malay language, Malay language ability

PENDAHULUAN

‘Bahasa Jiwa Bangsa’, ‘Bahasa Menunjukkan Bangsa’, ‘Maju Bahasa Maju Bangsa’ merupakan sebahagian daripada kata-kata hikmat yang berkait dengan ‘bahasa’ sekali gus menggambarkan perkaitan rapat antara ‘bahasa’ dan ‘bangsa’. Dengan erti kata lain, maruah bangsa juga tertakluk kepada bahasa. Apabila bahasa sesuatu bangsa itu diperkotak-katikkan, maka goyahlah bangsa. Demikianlah akrabnya ‘bahasa’ dan ‘bangsa’. Namun kata-kata hikmat ini hanyalah sekadar hiasan semata-mata tanpa dikuatkuasakan pengertian sebenarnya. Buktinya dapat di telusur melalui penggunaan bahasa Inggeris yang melampau seperti di papan-papan iklan, nama premis perniagaan, nama jalan, nama bangunan dan sebagainya lagi. Selain

itu, pencemaran bahasa juga adalah berleluasa seperti dalam khidmat pesanan ringkas (SMS), ruangan sembang dalam Internet, penulisan blog dalam Internet, laman sosial dalam Internet, penggunaan bahasa rojak dan sebagainya lagi. Bayangkanlah sekiranya orang asing yang menyaksikan pemandangan bahasa yang tidak sihat ini dan membaca blog yang dipenuhi dengan bahasa rojak, ayat-ayat yang kasar serta menggunakan kependekan yang melampau. Apakah reaksi dan persepsi mereka terhadap bangsa Melayu dan bahasa Melayu yang bertaraf bahasa kebangsaan? Berkemungkinan pandangan negatif akan tercetus di benak mereka. Siapakah yang harus dipertanggungjawabkan? Justeru semua pihak yang memegang taraf warganegara Malaysia tanpa mengira etnik seharusnya memikul tanggungjawab

untuk mendaulatkan dan memelihara maruah bahasa Melayu daripada terus tercemar. Ini kerana setiap warganegara bumi bertuah ini mestilah memperakui dan mempraktikkan Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kedudukan bahasa Melayu yang berimej lesu dan dipandang sepi pada masa kini, sebenarnya terdapat sejarah gemilang keagungan bahasa tersebut pada zaman lampau. Hal ini dibuktikan melalui kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa antarabangsa dan *lingua franca* pada zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Malah, sebelum zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu juga telah menjadi bahasa utama bagi kerajaan Srivijaya yang luas jajahan takluknya. Situasi ini menunjukkan bahawa keagungan dan kehebatan maruah bahasa Melayu suatu ketika dahulu sepatutnya menjadi momentum kepada pendaulatan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu pada masa kini.

ASAL USUL BAHASA MELAYU

Terdapat sarjana yang mengkaji asal usul bahasa Melayu melalui kewujudan penempatan orang Melayu. Umpamanya, Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2011) menyatakan ada pendapat yang mengaitkan perkataan Melayu dengan Malayu, iaitu sebuah kerajaan yang berpusat di muara Jambi. Kerajaan ini muncul pada abad ke-7 (644M) dan pernah dilawati oleh I. Tsing pada 671M. Nama Malayu bagi kerajaan Malayu ini berasal daripada nama sebatang sungai yang terletak di situ, iaitu Sungai Malayu atau Melayu. Istilah Melayu mempunyai pengertian yang sama dengan 'lari' dalam bahasa Jawa. Mengikut cerita, air sungai tersebut terlalu deras arusnya, selaju orang berlari. Itulah sebabnya sungai tersebut dinamakan sebagai Melayu.

Menurut Slametmuljana dalam Armin Azhari Saleh (2011), istilah Melayu ditulis sebagai Mo-lo-yeu yang berasal daripada bahasa Sanskrit. Istilah ini dijumpai buat pertama kalinya dalam tulisan China pada tahun 644M atau 645M. Tulisan itu menyebut perihal orang Mo-lo-yeu yang menghantar utusan ke China untuk menghadiahkan hasil bumi kepada maharaja negara tersebut. Dipercayai bahawa orang Mo-lo-yeu tersebut datang daripada sebuah kerajaan yang terletak di Jambi.

Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2011) juga turut mengatakan bahawa ada pendapat

yang menyatakan istilah Melayu berasal daripada perkataan 'pamalayu', iaitu peristiwa ketika berlaku penyerangan oleh Raja Kertanegara dari Singhasari Jawa Timur di Hulu Jambi bersempadan dengan Sumatera Barat. Kemudian di situ didirikan sebuah prasasti, iaitu prasasti Amoghapasa. Tujuan prasasti itu dibina adalah sebagai tanda peringatan kepada satu ekspedisi angkatan perang dari Jawa Timur ke daerah Malayu pada tahun 1286. Dalam konteks ini, 'pamalayu' bermaksud Ekspedisi Malayu, iaitu penyerangan dan seterusnya penguasaan ke atas negeri Malayu.

Berdasarkan kepada pengertian di atas, jelas menunjukkan bahawa kerajaan dan negeri Melayu telah wujud sekian lama. Oleh yang demikian, sudah pasti bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi adalah bahasa Melayu. Tambahan pula kerajaan-kerajaan tersebut terletak di sekitar Kepulauan Indonesia. Hal ini sejajar dengan kajian Asmah Omar (2008) yang mendapati bahawa kawasan bahasa Melayu adalah menganjur dari kawasan pergunungan di Taiwan menyusur ke selatan hingga ke New Zealand, dan dari Madagascar di luar pantai timur Afrika hingga ke Pulau Easter di Lautan Pasifik. Dengan keanggotaannya dalam rumpun Austronesia, bahasa Melayu bukan sahaja mempunyai perkaitan kekeluargaan dengan bahasa-bahasa yang berdekatan dengannya, tetapi mempunyai perkaitan juga dengan bahasa-bahasa di Lautan Pasifik seperti bahasa Hawaii, Samoa, Fiji dan Maori, bahasa Malagasi di Madagascar dan bahasa-bahasa di kawasan pergunungan di Taiwan. Bahasa Melayu merupakan satu daripada sejumlah besar bahasa yang tergolong dalam rumpun Austronesia. Bahasa-bahasa yang menganggotai rumpun ini tersebar dalam kawasan yang meliputi hampir separuh muka bumi yang sebahagian besarnya adalah lautan.

SEJARAH PASANG SURUT BAHASA MELAYU SEHINGGA MERDEKA

Peranan bahasa Melayu sebagai wahana perhubungan telah bermula sejak zaman praIslam, iaitu sekitar tahun 682 Masihi. Hal ini dapat dibuktikan melalui penemuan prasasti-prasasti yang mencatatkan teks Melayu tertua di Kedukan Bukit (683M), di Talang Tuwo (684M), di Kota Kapor (686M) dan di Karang Brahi (686M) (Syed Zulfida 2006). Keadaan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa utama bagi kerajaan Srivijaya yang luas jajahan takluknya. Malah,

menurut pandangan Noresah Baharom yang dipetik dalam Yusfarina dan Abdul Rasid (2011), bahawa bahasa Melayu juga pernah dijadikan sebagai bahasa untuk mengajarkan agama Hindu pada zaman praIslam tersebut walaupun dalam lingkungan yang terhad. Pernyataan ini menggambarkan bahawa bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat semenjak zaman praIslam lagi.

Seterusnya, bahasa Melayu telah mencipta kegemilangan yang luar biasa sekitar abad ke-13 iaitu pada zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka apabila bahasa Melayu berfungsi sebagai lingua franca, iaitu bahasa perhubungan antara penduduk tempatan dengan para pedagang asing bagi urusan perdagangan. Ini bermakna, setiap pedagang dari seluruh pelosok dunia yang berhajat untuk singgah di pelabuhan Melaka atau menjalankan kegiatan perdagangan mestilah pandai bertutur dalam bahasa Melayu.

Di samping itu, bahasa Melayu juga berkemampuan menjadi bahasa antarabangsa apabila bahasa tersebut digunakan dalam hubungan diplomatik antara Melaka dengan negara-negara asing seperti negara China. Dalam konteks ini, keperluan mengetahui dan memahami bahasa-bahasa asing telah mendapat 'perhatian diraja' pada zaman Dinasti Ming apabila jawatankuasa jurubahasa (*Da Tong Shi*) telah ditubuhkan untuk memenuhi kepentingan dan keperluan dalam hubungan luar negara. Mengikut Liang Liji yang dipetik dalam Awang Sariyan (2011), terdapatnya Tong Shi atau jurubahasa yang berkhidmat dalam 18 jawatankuasa kecil (*Xiao Tong Shi*) berjumlah 60 orang, dan dua orang daripadanya khusus untuk bahasa Melayu, iaitu seorang untuk Melaka dan seorang lagi untuk Sumatera. Untuk melatih para jurubahasa, pada tahun 1405, Maharaja Ming Cheng Zhu menubuhkan akademi bahasa yang dikenal sebagai *Si Yi Guan* (Balai Bahasa Negeri-negeri Asing) di ibu negara Ying Tian Fu (kini Nanjing). Terdapat lapan buah jabatan di akademi bahasa asing itu. Bahasa Melayu dimasukkan di bawah Hui Hui Guan (Jabatan Islam yang meliputi Parsi, Arab, Melaka, Jawa dan lain-lain). Akademi bahasa asing itu bertahan melebihi 400 tahun, dan dilanjutkan dalam Dinasti Qing yang menggantikan Dinasti Ming walaupun namanya diubah pada 1748 menjadi Hui Tong Si Yi Guan. Peranan akademi itu hanya terhenti sesudah Perang Candu pada tahun 1840, sesudah Dinasti Qing menghadapi ketidakstabilan politik (Liang Liji dalam Awang Sariyan 2011). Dengan demikian jelaslah bahawa bahasa Melayu mempunyai kekuatan yang

mampu diketengahkan sebagai bahasa perhubungan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, kebangkitan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam juga telah menjadi serampang dua mata kepada perkembangan bahasa Melayu apabila bahasa tersebut berperanan sebagai bahasa dakwah antara pendakwah dengan golongan yang didakwahkan. Golongan pendakwah itu sendiri sebenarnya adalah dalam kalangan pedagang daripada negara Timur Tengah, manakala golongan yang didakwahkan adalah terdiri daripada penduduk tempatan dan para pedagang asing yang singgah di pelabuhan Melaka. Apabila bahasa Melayu dijadikan sebagai medium penyebaran Islam, ini bermakna para pendakwah yang merangkap sebagai pedagang itu mestilah mempelajari bahasa Melayu sebelum menjalankan misi dakwah mereka. Pembelajaran bahasa Melayu oleh pendakwah yang merangkap sebagai pedagang ini adalah sangat penting sebagai usaha untuk menarik minat orang ramai terutamanya penduduk tempatan untuk menganuti dan mendalami agama Islam. Hal ini adalah kerana sesuatu ilmu yang hendak disampaikan itu mestilah melalui bahasa yang mudah difahami oleh golongan yang mendengarnya.

Selain itu, peranan bahasa Melayu dalam menyebarkan ajaran Islam juga telah membuka lembaran baharu kepada pengembangan kosa kata bahasa tersebut. Menurut pendapat Noresah Baharom yang dipetik dalam Yusfarina dan Abdul Rasid (2011) bahawa kenyataan ini dapat dibuktikan melalui kewujudan perkataan-perkataan baharu yang mengungkapkan konsep tauhid, syariah, undang-undang dan tasawuf, umpamanya perkataan wajib, sunat, hukum, harus, kitab, qadhi, subuh dan sebagainya lagi. Keadaan yang berlaku ini menunjukkan proses yang positif dan dinamik ke arah pengayaan perbendaharaan kata bahasa Melayu itu sendiri. Huraian di atas jelas menunjukkan bahawa pemeraksanaan bahasa Melayu telah terbukti dilaksanakan pada zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. Buktinya dapat dianalisis melalui beberapa elemen pemeraksanaan bahasa Melayu (Teo Kok Seong 2011) yang telah berjaya dipenuhi, iaitu:

- 1) Penutur Bahasa Melayu: Dalam konteks ini, penutur bahasa Melayu di Melaka telah mencatatkan perkembangan dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan pesat aktiviti perdagangan dan penyebaran Islam di sana. Justeru, semakin ramai penutur sesuatu bahasa itu, maka semakin kuat dan berwibawalah bahasa berkenaan.

- 2) Kekuatan Ekonomi Bangsa atau Masyarakat Penutur: Jika dilihat dari aspek ini, sememangnya para penutur bahasa Melayu pada zaman kegemilangan Melaka adalah terdiri daripada pedagang dan penduduk tempatan. Malah sebahagian besar daripada penduduk tempatan terutama golongan bangsawan Melayu adalah terdiri daripada pedagang. Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan bahasa Melayu sangat kukuh pada masa ini, memandangkan bahasa tersebut telah digunakan secara meluas bagi aktiviti ekonomi di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Seterusnya, jika ditelusur kedudukan bahasa Melayu selepas keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka iaitu pada zaman penjajahan Portugis (1511-1640) dan Belanda (1640-1820), didapati bahawa bahasa tersebut tetap digunakan dalam hubungan antara pemerintah (penjajah) dengan rakyat, barangkali dengan perantaraan jurubahasa. Jika tidak, komunikasi tidak mungkin berlaku antara pemerintah (penjajah) dengan rakyat. Dalam konteks ini, bahasa Portugis dan Belanda juga turut digunakan, namun secara terhad yang melibatkan urusan pemerintahan sesama bangsa pemerintah (penjajah) itu sendiri (Asmah Omar 2008: 31). Malah, ketika ini juga bahasa Melayu juga digunakan sebagai alat surat-menyurat dalam kalangan raja Melayu di sekitar Selat Melaka dengan penguasa Eropah. Ahli bahasa terkenal, W.G. Shellabear, misalnya telah mengkaji dan menerbitkan enam pucuk surat penting, termasuk surat tulisan raja Aceh dalam bahasa Melayu pada permulaan abad ke-17. Surat itu diutus kepada pejabat Belanda-Inggeris yang datang ke Aceh kerana hendak mendapatkan keizinan raja untuk berdagang di daerah tersebut (Illias Zaidi 2011: 9). Ini bermakna pada zaman penjajahan tersebut bahasa Melayu masih digunakan sebagai bahasa perhubungan rakyat jelata, bahasa rasmi dan bahasa pentadbiran. Hal demikian memaparkan kewibawaan dan kemampuan bahasa Melayu sekalipun dalam cengkaman penjajah.

Namun, situasi ini berbeza pada zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu pada awal abad ke-20¹ apabila bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa utama. Sebelum Perang Dunia Kedua meletus, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor) yang berada di bawah pemerintahan Inggeris menggunakan bahasa Melayu dalam urusan pemerintahan masing-masing. Bahasa Inggeris pula

digunakan secara terhad iaitu apabila mengeluarkan notis-notis penting kepada orang ramai sahaja. Dalam konteks ini, kesemua empat bahasa utama digunakan, iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil dengan menggunakan sistem tulisan masing-masing. Bahasa Melayu dengan tulisan Jawi, bahasa Inggeris dengan tulisan Rumi, bahasa Cina dengan tulisan Cina dan bahasa Tamil dengan tulisan Tamil. Manakala di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan) serta di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) pemerintahan dijalankan dengan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya. Namun, bahasa Melayu telah digunakan di kawasan-kawasan yang bukan ibu negeri. Senario yang sama turut berlaku di Sabah, Sarawak dan Brunei (Asmah Omar 2008: 32). Selain itu, pegawai-pegawai Inggeris yang bertugas di jabatan-jabatan kerajaan pada ketika itu wajib lulus dalam bahasa Melayu untuk disahkan dalam jawatan. Hal ini menunjukkan bahawa pada peringkat awal penjajahan, Inggeris tidak terburu-buru dalam menguatkuasakan penggunaan bahasa Inggeris dalam semua aspek kehidupan. Dalam hal ini, Inggeris telah menggunakan pendekatan psikologi dalam proses menguatkuasaan bahasa tersebut bagi mengelakkan penentangan besar-besaran orang Melayu. Itulah sebabnya menguatkuasaan bahasa tersebut dijalankan secara beransur-ansur dan terancang.

Kemaraan tentera Jepun ke Tanah Melayu pada tahun 1941 menandakan bermulanya Perang Dunia Kedua. Ketika ini Jepun telah mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu daripada Inggeris. Nasib bahasa Melayu pada masa ini juga agak menyedihkan apabila dasar Jepun memaksa rakyat Tanah Melayu menerima nilai-nilai bahasa dan kebudayaan Jepun sekali gus mengancam adat istiadat dan kebudayaan orang Melayu. Institusi pendidikan Jepun diperkenalkan dengan menggunakan Bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar. Namun, situasi ini tidak mengambil masa yang lama, hanya 3 tahun 6 bulan sahaja apabila tentera Jepun berundur daripada Tanah Melayu.

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu. Kali ini menguatkuasaan bahasa Inggeris dilakukan secara agresif. Buktinya, orang tempatan diarah menggunakan bahasa Inggeris dan menyanjung budaya Inggeris. Dari segi pentadbiran, pegawai-pegawai Inggeris yang tiada pengetahuan dalam bahasa Melayu telah dilantik. Menurut Nik Safiah Karim yang dipetik dalam Yusfarina dan Abdul Rasid (2011), bahawa dasar turut digubal agar bahasa

Inggeris dijadikan bahasa pengantar dalam sistem persekolahan. Malah, kelulusan bahasa Inggeris juga diperlukan sebagai syarat kenaikan pangkat atau untuk menjadi pegawai. Kedudukan bahasa Melayu pada masa itu semakin merosot dan hanya menjadi bahasa pengantar untuk peringkat persekolahan yang paling rendah. Selain itu, bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan untuk golongan bawahan sahaja. Kewibawaan bahasa Melayu pada waktu ini telah hilang dan tenggelam dalam tangan penjajah. Bahasa Melayu hilang maruah dan hala tuju. Namun keadaan mula berubah apabila berlaku perjuangan mengangkat bahasa Melayu serentak dengan perjuangan membebaskan tanah air daripada penjajah oleh para nasionalis yang terdiri daripada guru-guru Melayu, para wartawan, para sasterawan dan ahli-ahli politik. Perjuangan tersebut telah membuka lembaran baharu kepada nasib bahasa Melayu apabila bahasa tersebut isytiharkan sebagai Bahasa Kebangsaan dalam Perlembagaan Merdeka Tanah Melayu 1957 dan seterusnya termaktub dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan.

DASAR BAHASA PASCA MERDEKA

Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu, dasar pelajaran kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama untuk memupuk integrasi nasional dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Hal ini berkait rapat dengan elemen keistimewaan dan jati diri yang terkandung di dalam bahasa pertiwi tersebut. Akan tetapi, penggubalan dasar bahasa sebenarnya dihimpit oleh keperluan pembinaan negara berdasarkan konteks tempatan dan perubahan global semasa. Justeru, dasar bahasa yang digubal dari semasa ke semasa perlu bersifat dinamik demi kelangsungan bahasa dan bangsa.

Penggubalan demi penggubalan dalam dasar bahasa perlu dilakukan secara berhati-hati dan berkompromi demi memenuhi tuntutan etnik yang berbeza. Oleh yang demikian, hubungan bahasa dan perpaduan rakyat ditekankan oleh Penyata Razak 1956 demi membina identiti bangsa melalui pendidikan. Menurut Prof. Abdullah Hassan dalam buku Mohd. Taib Osman (2004), penyampaian ilmu secara berkesan hanyalah dapat dilakukan dalam bahasa ibunda kerana bahasa dapat memupuk perkembangan emosi manusia. Menurut beliau lagi, Penyata Razak juga berjaya menanamkan semangat cintakan Negara di kalangan masyarakat Malaysia. Oleh itu, bahasa Melayu bukan sahaja

melambangkan cara berkomunikasi rakyat tetapi juga melambangkan emosi dan minda yang terkandung di dalam bahasa itu sendiri.

Selaras dengan semangat Penyata Razak 1956, rakyat dibenarkan mengikuti sistem persekolahan rendah dan menengah yang berbeza. Pada peringkat sekolah rendah, dasar kepelbagaian bahasa pengantar dibenarkan. Ini menyaksikan kewujudan sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular, demi memenuhi keperluan pembelajaran dalam bahasa ibunda masing-masing. Seterusnya, pada peringkat sekolah menengah, dasar bahasa lebih ke arah penyeragaman bahasa pengantar bagi mewujudkan integrasi nasional berpaksikan bahasa Melayu. Pada masa yang sama, sekolah menengah vernakular Cina masih dikekalkan dalam sistem pendidikan kebangsaan pada ketika itu. Sekolah menengah jenis ini kemudiannya mengalami penyingkiran daripada sistem kebangsaan apabila Laporan Rahman Talib 1960 dibentangkan. Mengikut laporan ini, mana-mana sekolah menengah vernakular Cina yang enggan bertukar ke aliran kebangsaan secara automatik tersingkir daripada sistem untuk memastikan penyeragaman struktur pendidikan menengah negara (Tan Yao Sua 2012: 61).

Setelah Laporan Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961 pula hanya memperakukan dua jenis sekolah menengah dalam sistem pendidikan kebangsaan (Tan Yao Sua 2012: 61). Pertama, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekolah ini mengajar bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib, manakala bahasa Cina dan Tamil diajar sebagai mata pelajaran hanya apabila mendapat permintaan daripada 15 orang ibu bapa pelajar. Kedua, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Di sini, pelajar didedahkan dengan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib, manakala pengajaran bahasa Cina dan Tamil diajar sekiranya mendapat permintaan.

Dasar penyeragaman bahasa ini mendapat tentangan meluas daripada golongan bukan Melayu, terutamanya pendidik Cina yang bernaung di bawah Dong Jiao Zong, iaitu sebuah gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina (Jiao Zong) dan Persekutuan Lembaga Pengelola Sekolah Cina (Dong Zong) (Tan Yao Sua 2012: 62). Malah, menurut Asmah dalam Tan Yao Sua (2012), pergolakan bahasa dan politik perkauman ketika itu berakhir dengan tragedi rusuhan kaum 1969, hingga mengakibatkan penguatkuasaan bahasa Melayu terpaksa dilakukan secara berperingkat-peringkat

bermula dengan pelajar Tahun 1 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris pada tahun 1970. Perkara ini jelas menunjukkan dasar-dasar bahasa yang diperkenalkan sangat bersifat kompromi antara dasar keseragaman bahasa pengantar dengan dasar kepelbagaian bahasa pengantar. Sikap berwaspada perlu diambil sebagai langkah membendung keretakan hubungan etnik yang pelbagai di Malaysia.

Menempuh arus globalisasi, dasar bahasa mengalami perubahan ketara dengan penekanan semula penggunaan bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris diberi status bahasa pengantar bagi subjek Sains dan Matematik pada tahun 2003 melalui dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). Senario ini menyaksikan percanggahan yang ketara dengan Akta Pendidikan 1996 yang memperakukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Hal ini jelas kelihatan dalam situasi pelajar menengah Tingkatan Empat yang memasuki aliran Sains cuma didedahkan dengan bahasa Melayu dalam tiga subjek sahaja iaitu Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Tambahan pula, dasar PPSMI ini hanya terlaksana terhadap pelajar Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Menengah Kebangsaan, yang selama ini menjadi agen perpaduan dan pendaulat Bahasa Kebangsaan. Pengecualian PPSMI diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kerana Sains dan Matematik diajar dalam dwibahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris (Tan Yao Sua 2012: 65). Hal ini sudah tentu akan memberi ruang penggunaan bahasa Cina yang lebih kerana Dong Jiao Zong senantiasa menekankan penerapan bahasa Cina kepada pelajar seperti yang pernah berlaku dalam lipatan sejarah. Pendaulatan bahasa Melayu juga hanya kekal di dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa sebarang usaha untuk memurnikan lagi bahasa pertiwi ini. Oleh yang demikian, isu pengukuhan bahasa Melayu yang didukung selama ini oleh dasar dan Akta Pendidikan Negara dilihat seolah-olah diabaikan hingga dikhuatiri merobek integrasi nasional dan pendaulatan bahasa yang diidamkan.

Setelah hampir tujuh tahun mengguna pakai PPSMI, kerajaan akhirnya mengambil keputusan memansuhkan dasar ini dan menggantikan dasar tersebut dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada tahun 2009. Penukaran dasar ini dilihat perlu kerana PPSMI telah menyebabkan kerugian besar kepada pelajar, yakni 75 peratus murid seluruh Malaysia didapati tergolong dalam kategori pencapaian sederhana dan lemah dalam tiga mata

pelajaran terlibat, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik (*Berita Harian* 4 November 2011). Selain itu, dengan pemansuhan PPSMI, murid di sekolah rendah kembali mengikuti pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan, bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Manakala di sekolah menengah, bahasa Melayu akan digunakan sepenuhnya dalam pengajaran Matematik dan Sains (*Berita Harian* 5 November 2011). Dengan MBMMBI, bahasa Melayu kembali menjadi bahasa pengantar utama, lantas proses pendaulatan bahasa terjamin. Pelaksanaan dasar ini diharap menjadi agenda berterusan dan bukan lagi percaturan politik. Hal ini kerana pendidikan dan bahasa merupakan kelangsungan negara yang perlu dijaga rapi agar generasi akan datang terpelihara dan terus mendaulatkan negara.

KEUPAYAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ANTARABANGSA

Setelah menelusuri pencapaian bahasa Melayu pada zaman lampau, jelas terbukti bahawa bahasa Melayu pernah mencapai tahap gemilang apabila bahasa tersebut berperanan sebagai lingua franca merangkap bahasa antarabangsa pada zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. Senario ini memaparkan kewibawaan dan kemampuan bahasa tersebut mengatasi bahasa lain yang wujud ketika itu seperti bahasa Inggeris, Tamil, Arab dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat apabila para pedagang asing mesti menggunakan bahasa Melayu apabila berurusan dengan penduduk tempatan, bukannya penduduk tempatan mesti menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain ketika berurusan dengan pedagang asing. Begitu juga dengan hubungan diplomatik dengan China, bahasa Melayu tetap digunakan melalui perantara jurubahasa. Sejarah kehebatan bahasa Melayu ini sepatutnya menjadi pembakar semangat kepada usaha memperkasa dan mendaulatkan bahasa Melayu pada zaman sekarang. Dalam konteks ini, tidak mustahil untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa kerana keupayaan bahasa Melayu telah terserlah dalam aspek-aspek berikut:

Bilangan Penutur Bahasa Melayu

Jika dikaji daripada aspek jumlah penutur bahasa Melayu, di dapati bahawa 3.4 peratus daripada 5700

juta orang penduduk dunia, iaitu seramai 195 juta orang adalah penutur bahasa Melayu di seluruh pelosok dunia pada tahun 1995. Berdasarkan jumlah tersebut, bahasa Melayu sebenarnya merupakan salah satu bahasa utama di dunia, malah turut diisytiharkan sebagai bahasa dunia yang kelima. Kini, jumlah penutur bahasa Melayu telah melebihi angka 250 juta orang. Menjelang tahun 2020, dijangkakan jumlah penutur bahasa Melayu di seluruh dunia mencapai 300 juta orang daripada 7770 juta orang penduduk dunia yang melibatkan 3.9 peratus. Dengan demikian, bahasa Melayu masih diramalkan sebagai antara bahasa dunia yang utama dan dijangka masih menduduki tangga atas dalam susunan bahasa yang mempunyai ramai penutur (Teo Kok Seong 2011).

Keadaan ini menunjukkan bahawa penutur bahasa Melayu berada di segenap pelosok dunia. Walau bagaimanapun, dari segi kualiti pun perlu diambil kira juga. Persoalan mengenai latar sosioekonomi penuturnya juga perlu ditimbulkan. Adakah jumlah penutur yang ramai itu menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi seharian sahaja atau melibatkan aktiviti profesional yang lain seperti pendidikan, pentadbiran dan perdagangan? Jika jawapannya hanyalah sekadar alat komunikasi seharian tanpa melibatkan aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi, maka bahasa ini sukar untuk mencapai tahap antarabangsa walaupun pernah diisytiharkan sebagai bahasa utama dunia yang kelima. Hal ini kerana, bahasa yang ingin mencapai taraf antarabangsa perlu digunakan sepenuhnya dalam semua aspek seperti pendidikan, pemerintahan dan perdagangan seterusnya memiliki keupayaan untuk bersaing dengan bahasa-bahasa lain seperti:

- i) Keupayaan mengungkap konsep dan ilmu tinggi dalam bidang sains dan teknologi, bahasa yang mampu menerangkan maksud *constant function*, *continuous strip*, atau *variable field* dalam bidang matematik atau *reproductive capacity*, *pedigree* atau *light dispersion* dalam bidang sains dengan tepat dan jelas.
- ii) Menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan buku bagi semua disiplin ilmu dan juga dalam mencipta ilmu baharu yang belum diterokai untuk manfaat masyarakat pengguna dalam dan luar negara. Umpamanya, bidang ilmu jati seperti herba, dan budaya seperti keris, perahu, tenun, songket dan wau. Hal ini supaya dapat membuktikan bahawa bahasa Melayu juga mampu menjadi pencipta ilmu dan sumber

ilmu tersebut tidak berasal dari bahasa Inggeris sahaja. Selain itu, kegiatan penterjemahan ilmu daripada bahasa Melayu ke bahasa asing perlu giat dijalankan bagi menampakkan dominasi ilmu dalam bahasa tersebut di samping dapat memperkasakan bahasa Melayu sendiri (Fauzilahyatun 2011).

Pencapaian Bahasa Melayu di Arena Antarabangsa

Bahasa Melayu pernah menarik minat pegawai tentera laut Rusia, A. Butakov yang pertama kali sampai di Pulau Pinang pada tahun 1842. Beliau sangat menyukai bahasa Melayu dan bahasa tersebut mirip dengan bahasa Itali. Malah, Butakov juga turut memuji orang Melayu apabila mendakwa orang Melayu mempunyai ciri-ciri yang lebih mulia, jujur dan sentiasa menepati janji. Selain itu, seorang lagi pengembara Rusia yang pernah tiba di Tanah Melayu pada tahun 1798, iaitu I.F. Krusenstern turut membawa pulang sesalinan naskhah sastera Melayu iaitu 'Sejarah Melayu' yang ditulis pada zaman kegemilangan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511) yang akhirnya diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia pada tahun 2008 berjudul *Sulalat-Us-Saalatin: Krusenstern's Malay Manuscript, its Cultural and Historical Value* (setelah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris). Sebelum ini naskhah asal tersebut telah ditempatkan di Muzium Asia, Rusia dengan catatan tulisan tangan bermaksud telah mendapat keizinan kakitangan kerajaan Tanah Melayu untuk diterjemahkan. Selain itu terdapat banyak lagi karya lain yang turut diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Sang Boma, Hikayat Seri Rama, karya sastera moden dan klasik seperti Syair Siti Zubaidah, antologi Sumur di Ladang serta hasil karya tokoh terkemuka seperti A. Aziz Deraman, Kemala, dan sebagainya lagi. Pada abad ke 18 juga sebuah kamus komparatif daripada 180 bahasa dan loghat termasuk bahasa Melayu telah diterbitkan atas perintah Ratu Catherine Agung (Victor 2011). Hal ini membuktikan perakuan golongan bangsawan asing terhadap kepentingan bahasa Melayu serta penghargaan bangsa asing terhadap garapan nilai keilmuan yang terdapat dalam bahasa Melayu dari segi kebudayaan, sejarah dan keindahan bahasa itu sendiri.

Tahap yang lebih hebat pencapaian bahasa Melayu di peringkat antarabangsa dapat di telusur melalui pengajaran subjek bahasa Melayu di Institut Sains Kemanusiaan, Institut Pelajaran Timur Amali

dan Institut Ketimuran. Dalam konteks ini, subjek bahasa Melayu yang ditawarkan adalah subjek teras, bukannya pilihan. Selain itu, Universiti Negara Moscow, Universiti Amur dan Universiti Timur Jauh turut memperkenalkan subjek bahasa Melayu dan Pengajian Melayu (Victor 2011). Malah negara China juga turut mengiktiraf bahasa Melayu dan Pengajian Melayu apabila Kursi Pengajian Melayu, Malaysia-China telah ditubuhkan dari tahun 2008 hingga 2011 di Universiti Pengajian Asing Beijing. Kursi tersebut disandang oleh Awang Sariyan, tokoh bahasa Melayu terkemuka di Malaysia. Sehingga kini, program bahasa Melayu Malaysia telah 50 tahun beroperasi di universiti tersebut serta berjaya melahirkan ramai pegawai diplomat, jurubahasa serta penyiar yang menguasai bahasa Melayu. Pandangan Awang Sariyan dipetik dalam Nazmi Yaakub (2011 10 Oktober), bahawa tanggungjawab Kursi Pengajian Melayu-China dalam memperluaskan penyebaran bahasa Melayu tidak hanya berlegar di Universiti Pengajian Asing Beijing sahaja, tetapi universiti tersebut juga bertindak sebagai pangkalan untuk menyebarkan bahasa Melayu ke seluruh negara China. Hasilnya, bahasa Melayu telah berkembang dengan tiga buah universiti yang sudah pun mempunyai Program Bahasa Melayu iaitu Universiti Peking, Universiti Komunikasi dan Universiti Bangsa-Bangsa Guan Xi.

Selain itu, terdapat banyak lagi Kursi Pengajian Melayu yang ditubuhkan di pelbagai universiti terpilih di merata dunia seperti di Universiti Leiden, Belanda; Ohio University, Amerika Syarikat, Victoria Universiti of Wellington, New Zealand dan Hankuk University of Foreign Studies, Korea Selatan. Tujuan penubuhan Kursi-kursi tersebut membantu mengembangkan bahasa Melayu di seluruh dunia. Penubuhan Pusat Sumber Malaysia di Universiti Wellington dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia turut merencanakan usaha tersebut. Malah, keunggulan bahasa Melayu turut diperakui oleh pandangan Sarjana Belanda, Francois Valentijn yang dipetik dalam Hasan Baseri Budiman (2011) iaitu:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di segala negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa lingua franca di Itali atau di Levant. Sungguh luas teresbaranya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami


di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga kepulauan Filipina.”
(Hasan Baseri 2011: 31)

Dalam konteks ini, kegiatan penterjemahan karya-karya bahasa Melayu ke dalam bahasa ibunda negara asing seperti di Rusia dan China menunjukkan betapa kayanya khazanah keilmuan yang terdapat di dalam bahasa Melayu. Menurut Awang Sariyan dipetik dalam Zalika Adam dan Faridah Kasim (2011) menyifatkan bahawa bahasa Melayu telah direncanakan supaya dapat dijadikan bahasa yang setanding dengan bahasa pertuturan antarabangsa seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia dan sebagaimana dalam tempoh dua dekad selepas merdeka.

Hal ini jelas membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pengiktirafan universiti-universiti terpilih di seluruh dunia dalam mengembangkan bahasa Melayu melalui penubuhan-penubuhan Kursi Pengajian Melayu seperti yang telah dibincangkan. Dengan demikian, jelas terbukti kemampuan bahasa Melayu bersaing di persada antarabangsa.

CABARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ANTARABANGSA

Sungguhpun pelbagai usaha di peringkat antarabangsa telah dijalankan untuk mengembalikkan bahasa Melayu sebagai bahasa supranasional, iaitu bahasa serantau dan bahasa antarabangsa seperti pada zaman kegemilangan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka suatu ketika dahulu, namun usaha tersebut hanya menjadi sia-sia sekiranya usaha di peringkat tempatan diperlekeh oleh rakyat Malaysia sendiri. Situasi ini dapat dibuktikan melalui perbuatan menganaktirikan bahasa Melayu di papan tanda premis-premis perniagaan, seperti contoh berikut:



Memang tidak dinafikan bahawa terdapat juga perkataan bahasa Melayu digunakan, tetapi tulisannya adalah lebih kecil dan kurang dominan berbanding dengan perkataan dalam bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu langsung tidak dipentingkan, malah kalau boleh tidak ingin diletakkan langsung.



Sementara itu, terdapat juga papan tanda yang menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin sahaja seperti di bawah:



Lebih menyedihkan, nama-nama kawasan perumahan dan hotel juga turut digunakan bahasa asing seperti di bawah:



Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu langsung tiada di hati mereka. Barangkali, penggunaan bahasa Melayu dirasakan sebagai menjatuhkan martabat mereka yang terlibat.

Senario ini juga ditonjolkan oleh sesetengah majikan yang mementingkan bahasa Inggeris dalam proses pengambilan pekerja, sedangkan jika difikirkan secara rasional, sesetengah pekerjaan tidak memerlukan calonnya berkebolehan dalam berbahasa Inggeris. Contohnya, penyiaran beberapa keratan iklan pekerjaan yang disiarkan dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu secara terang-terangan meletakkan keutamaan syarat calon perlu fasih bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris di samping bahasa Melayu. Jawatan-jawatan yang ditawarkan, misalnya, adalah seperti pengurus dan kadet penolong pengurus ladang di salah sebuah agensi milik kerajaan, jawatan pemandu dan kerani di sebuah syarikat akhbar Melayu dan jawatan pengawal keselamatan di dua buah kilang. Sebenarnya, syarat tersebut diletakkan bukanlah kerana keperluan tetapi disebabkan oleh perasaan tidak hormat dan kurang yakin dalam kalangan majikan yang berfikir bahawa bahasa Melayu tidak mampu berperanan baik seperti bahasa Inggeris (Sahrnizam Abdul Talib 2011).

Selain itu, tindakan sesetengah IPTA dalam mewajibkan urusan pengajaran dan pembelajaran dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris juga turut mencabar kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, sekali gus merosakkan agenda untuk memperkasakan dan mendaulatkan bahasa Melayu di peringkat supranasional. Hal ini disebabkan oleh IPTA yang merupakan gedung ilmu sepatutnya menjalankan usaha yang lebih intensif dalam memantapkan dan memperluaskan pengembangan bahasa Melayu. Ironinya, universiti-universiti luar negara seperti yang dibincangkan sebelum ini giat memartabatkan dan memperkembangkan bahasa Melayu melalui penubuhan-penubuhan Kursi Pengajian Melayu, akan tetapi IPTA tempatan adalah sebaliknya.

Semua yang berlaku ini merupakan tindakan yang jelas mencabar prinsip Keluhuran Perlembagaan dalam Rukun Negara melalui Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks ini, sepatutnya bahasa Melayu diletakkan mengatasi bahasa-bahasa lain selaras dengan peruntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Bahkan menjadi bahasa yang diagungkan oleh segenap lapisan masyarakat dan institusi-institusi ilmu di Malaysia.

Di samping itu, penggunaan bahasa khidmat pesanan ringkas (sms) dan bahasa kolokial (bahasa

basahan) yang mengandungi pelbagai campuran bahasa, antaranya bahasa slanga, dialek dan bahasa pasar yang tidak terkawal juga dapat membantut usaha pendaulatan bahasa Melayu.

Contoh bahasa khidmat pesanan ringkas (SMS) dan bahasa kolokial

| Bahasa KPR (SMS) | Bahasa Kolokial |
|------------------|--|
| Chat = sihat | A: kalau wa cakap dengan ypu, you kena |
| AQ = aku | paham |
| Klu = kalau | B: tak yah nak gitau la, somua tu gue dah tau |
| Umah = rumah | A: ni lah susah, wa nak cerita you tak mau |
| X = tidak | dengar |
| Mo = mahu | B: so, kalau dia dah tak mahu dengar, don't tell |
| Meh = mari | anything la. Mulut lu pun tak penat. Telinga |
| Ske = suka | kita orang pun tak pekak. |

(Hasan Baseri Budiman 2011: 36)

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, jelas sekali bahawa impian bahasa Melayu untuk bersaing di persada antarabangsa bukanlah suatu fantasi, tetapi realiti. Namun tertakluk kepada beberapa syarat berikut: Pertama: Memperakui dan mempraktikkan Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan seikhlas hati. Ini bermakna tiada sebarang pencabulan dilakukan untuk mencemarkan keluhuran perlembagaan ini menerusi tindakan mengutamakan bahasa Melayu dalam semua aspek kehidupan. Kedua: Semua kaum tanpa mengira bangsa dan agama perlu menjunjung bahasa Melayu selaras dengan kehendak Perlembagaan dan peranan bahasa tersebut sebagai bahasa perpaduan. Ketiga: Kesedaran semua pihak demi memartabatkan bahasa Melayu sama ada kerajaan atau swasta perlu diwujudkan dan disemaikan dalam hati segenap lapisan rakyat. Keempat: Keluar daripada usus penjajah. Maksudnya, perasaan megah menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu perlu dikikis. Hal ini kerana, mereka yang berada dalam usus penjajah akan merasakan apa sahaja yang datang dari Barat itu adalah baik, canggih dan hebat, termasuklah bahasa Inggeris. Hal ini bukan bererti menafikan kepentingan bahasa Inggeris dalam arus globalisasi masa kini. Namun, penggunaannya haruslah berpeda-pada dan tidak mengatasi kedudukan bahasa Melayu dalam Persekutuan Malaysia. Dalam konteks ini, usaha kerajaan menggantikan dasar PPSMI (Pengajaran

dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris) kepada dasar MBMMBI (Memartabatkan bahasa Melayu, Memperkukuhkan Penguasaan bahasa Inggeris) patut dipuji.

Seandainya semua syarat tersebut dapat dipenuhi dan bahasa Melayu muncul sebagai bahasa antarabangsa yang disegani, sudah pasti akan dapat memberi pulangan yang besar kepada imej negara Malaysia, sekali gus menjadikan negara dihormati kerana memegang teguh kepada prinsip sendiri.

NOTA

- 1 Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu bermula pada tahun 1786 di Pulau Pinang, 1819 di Singapura, 1820 di Melaka dan kemudiannya di seluruh Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Brunei (Asmah Omar 2008)

RUJUKAN

- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. 2011. *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Armin Azhari Saleh. 2011. Menghayati sejarah bahasa Melayu. *Pelita Bahasa* 23(06): 3.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2011. *Pengajian Melayu di China (Bahagian 1): Hubungan Ketamadunan Melayu-China*. <http://klikweb.dbp.my/?p=1799>. (29/10/2011).
- Fauzilahyaton Mustafa. 2011. Bahasa Melayu kini. *Dewan Bahasa* 11(04): 6-9.
- Hassan Baseri Budiman. 2011. Kursi Pengajian Melayu: Kearah memartabatkan tamadun bangsa di luar negara. *Dewan Bahasa* 11(05): 31-33.
- Illias Zaidi. 2011. Pasang surut bahasa Melayu. *Pelita Bahasa* 23(06): 8-12.
- Berita Harian*. 2011. Keputusan muktamad. 4 November.
- Berita Harian*. 2011. MBMMBI imbangi penguasaan dua bahasa utama. 5 November.
- Mohd. Taib Osman. 2004. *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nazmi Yaakub. 2011. China hargai bahasa Melayu. *Berita Harian*.
- Sahrnizam Abdul Talib. 2011. Kursi Pengajian Melayu: Kearah memartabatkan tamadun bangsa di luar negara. *Dewan Bahasa* 11(05): 48-50.
- Syed Zulfida. 2006. *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: Kemunculan dan Kegemilangan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Tan Yao Sua. 2012. Dasar bahasa dalam sistem pendidikan. *Pemikir*. Jan-Mac 2012: 59-70.
- Teo Kok Seong. 2011. Fenomena keperkasaan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 10(08): 6-9.
- Victor, P. 2011. Bahasa Melayu merentas sempadan. *Dewan Bahasa* 11(03): 52-55.

- Yusfarina & Abdul Rasid. 2011. Bahasa Melayu kini. *Dewan Bahasa* 11(04): 10-14.
- Zalika Adam & Faridah Kassim. 2011. Perkembangan bahasa di Malaysia dan penyatuan rakyat. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Kuala Lumpur, 14-15 Disember.

Ku Hasnita Ku Samsu, Ph.D.
Pensyarah kanan
Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: hasnita@putra.upm.edu.my

Adlina Ab Halim, Ph.D.
Pensyarah kanan
Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: adlina@putra.upm.edu.my

Mohd Hafiz Sulaiman
Felo Penyelidik Siswazah
Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: mohdhafiz2009@yahoo.com